

BIDASAN TERHADAP PENOLAKAN ASHA'IRAH SEBAGAI AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Mohd Fauzi Hamat,¹ Muhammad Rashidi Wahab,² Che Zarrina Sa'ari,¹
Khadijah Mohd Khambali @ Hambali,¹ Azmil Zainal Abidin,³
Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman,³ Luqman Abdullah,⁴
Wan Adli Wan Ramli,³ Mohd Khairul Naim Che Nordin,³
Faizuri Abd Latif,³ dan Mohd Khafidz Soroni⁵

Abstrak

Asha'irah merupakan golongan majoriti dalam kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sejak sekian lama. Namun ada pihak yang cuba menafikan perkara ini. Ini dapat dilihat dalam beberapa karya oleh sarjana aliran Wahabi. Hujah utama yang diketengahkan merujuk kepada nas *mutashābihāt*. Dakwaan ini telah menimbulkan polemik dalam kalangan umat Islam, khususnya di Malaysia, yang majoritinya berpegang kepada akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah aliran Asha'irah. Bagi merungkai persoalan tersebut, menerusi analisis terhadap karya yang pelbagai, artikel ini menjelaskan kedudukan Asha'irah sebagai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah berteraskan kenyataan para ulama muftakar. Selanjutnya, penulisan ini turut membuktikan bahawa kedudukan Asha'irah sebagai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah bukan sahaja diakui oleh catatan sejarah, malah ia turut didapati dalam perundangan dan pendidikan di Malaysia, khususnya negeri Selangor.

Kata kunci: Asha'irah, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Wahabi, akidah, Selangor

¹ Mohd Fauzi Hamat, Che Zarrina Sa'ari, dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali PhD, adalah Profesor Madya di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mel: mfhamat@um.edu.my.

² Muhammad Rashidi Wahab adalah Penolong Pensyarah di Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.

³ Azmil Zainal Abidin, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Wan Adli Wan Ramli, Mohd Khairul Naim Che Nordin, dan Faizuri Abd Latif, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

⁴ Luqman Abdullah, PhD, adalah Pensyarah Kanan dan Ketua Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

⁵ Mohd Khafidz Soroni adalah Pensyarah di Jabatan al-Qur'an Dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

REJOINDER TO THE REJECTION OF ASHARITES AS AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Abstract

The Asharites has been the majority group among the Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah since the beginning. But there are some who try to deny this. This is reflected in some works by Wahabi scholars. The main argument raised is in reference to mutashābihāt texts. This claim has sparked controversy among Muslims, especially in Malaysia, who predominantly subscribe to the creed of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah particularly of the Asharites. To address this question, through analysis of various works, this article explains Asharites position as Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah based on the statements of various learned scholars. Furthermore, this writing also proves that Asharites position as Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah is not only recognised by historical records, but also in legal and educational affairs in Malaysia, especially the state of Selangor.

Keywords: *Ash'arites, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Wahabi, Islamic creed, Selangor*

Pendahuluan

Majoriti umat Islam di seluruh dunia berpegang kepada mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (ASWJ) sama ada aliran Asha'irah atau Maturidiyyah dalam aspek akidah. Kedua-dua aliran ini dianggap sebagai golongan arus perdana (*mainstream*) yang mewakili mazhab ASWJ dalam dunia Islam. Dalam konteks rantau Nusantara dan Malaysia, begitu juga di negeri Selangor, majoriti umat Islam didapati berpegang kepada ASWJ daripada aliran Asha'irah.⁶ Perkembangan Asha'irah tersebut antaranya disumbangkan oleh usaha para ulama silam yang amat berdedikasi dalam mengajar dan mengarang kitab akidah berteraskan aliran Asha'irah, di samping mereka mendapat dukungan dan sokongan kuat daripada pihak pemerintah negeri ataupun sultan. Ini mempengaruhi dan memangkinkan majoriti umat Islam untuk terus berpegang teguh kepada ASWJ aliran Asha'irah.⁷

⁶ Abdul Shukor Husin, *Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), 7-8.

⁷ Antara elemen akidah ASWJ aliran Asha'irah yang jelas kelihatan di Malaysia ialah penerusan pengajian dan pengajaran akidah berdasarkan pengajian Sifat 20.

Walau bagaimanapun, perkembangan pemikiran semasa menunjukkan bahawa Asha'irah sedang berhadapan dengan kritikan yang antaranya mendakwa bahawa ia bukan golongan ASWJ dari segi akidah. Dakwaan ini dilontarkan oleh segelintir sarjana yang cenderung kepada aliran yang dibawa oleh golongan Wahabi (Salafi)⁸ yang turut mencetuskan polemik dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Sehubungan itu, penulisan ini bertujuan untuk menjelaskan kedudukan Asha'irah sebagai mazhab ASWJ dari segi akidah dengan mengemukakan hujah-hujah ilmiah daripada sumber primer dan sekunder yang berautoriti. Penulisan ini turut menjawab isu yang menjadi fokus utama golongan Wahabi (Salafi) yang mengeluarkan Asha'irah daripada ASWJ. Selanjutnya, penulisan ini membuktikan kedudukan Asha'irah dalam konteks Malaysia dan Selangor.

Beberapa Dakwaan Asha'irah Bukan ASWJ

Dakwaan sesetengah pihak yang menyatakan bahawa Asha'irah bukan daripada kalangan ASWJ telah menjadi polemik dalam dunia Islam. Perkara ini turut tersebar dalam kalangan umat Islam di Malaysia yang majoritinya berpegang dengan aliran akidah Asha'irah. Sebagai contohnya, beberapa tokoh sarjana, antaranya 'Abd al-'Azīz al-Bāz dan al-Fawzān secara jelas menuduh golongan Asha'irah sebagai sesat, seperti aliran Mu'tazilah, Jahmiyyah, Shi'ah, Qadariyyah dan lain-lain aliran, hanya kerana mereka mentakwilkan nas-nas sifat *mutashābihāt*. Mereka menyatakan bahawa pegangan Asha'irah menyalahi al-Qur'an dan Hadith serta petunjuk para sahabat, tabi'in dan para ulama Salaf. Pun begitu, al-Ash'ari tidak dikategorikan dalam kalangan Asha'irah kerana beliau dikatakan telah kembali kepada ASWJ

⁸ Istilah Wahabi (Salafi) atau Wahabiyyah (Salafiyah) adalah merujuk kepada fahaman atau aliran yang dimisbahkan kepada pengasasnya Muhammad 'Abd al-Wahhab. Istilah ini bukan sahaja digunakan oleh ulama ASWJ, bahkan ia turut diakui oleh tokoh-tokoh mereka sendiri antaranya, Ahmad ibn Hajar, Ali Abu Tami, *Al-Shaykh Muḥammad ibn 'Abd al-Wahhāb 'Aqidatuh al-Salāfiyyah wa Da'watuh al-İslāhiyyah wa Thanā' al-'Ulamā' 'alayh* (Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'ūdiyyah: Maktabah al-Mālik Fahd al-Waṭaniyyah Athna' al-Nashr al-Muqaddam, 1999). Muḥammad Ismā'īl, *Khawātir Ḥawl al-Wahabiyyah* (Iskandariyyah: Dār al-Tawhīd li Turath, 2008).

dengan menolak takwil.⁹ Petikan kenyataan al-Bāz dan al-Fawzān seperti berikut:

لاشك أنه ضل بسبب الخلاف في العقيدة فرق كثيرة كالمعتزلة والجهمية والرافضة والقدرية وغيرهم وأيضا الأشاعرة ضلوا فيما خالفوا فيه الكتاب والسنة وما عليه خيار هذه الأمة من أئمة الهدى كالصحابه رضي الله عنهم والتابعين لهم بإحسان والأئمة المهتدين فيما تأولوه من أسماء الله وصفاته على غير تأويله وأبو الحسن لأشعري رحمه الله ليس من الأشاعرة وإن انسبوا إليه لكونه رجع عن مذهبهم واعتنق مذهب أهل السنة فمدح الأئمة له ليس مدحا لمذهب الأشاعرة.

نعم نحكم بضلال من أول صفات الله تعالى عما دلت عليه من المعنى الحق وحاول صرفها إلى غير معانيها الحقيقية من الأشاعرة وغيرهم.

Kenyataan mengenai al-Ash'ari tidak termasuk dalam golongan Asha'irah adalah berpunca daripada pendirian yang diambil oleh tokoh ini yang mendakwa bahawa al-Ash'ari telah melalui tiga peringkat pemikiran dalam hidupnya. Peringkat pertama, al-Ash'ari berada dalam aliran Mu'tazilah sehingga berumur 40 tahun. Peringkat kedua, al-Ash'ari keluar daripada Mu'tazilah dengan mengikut Ibn Kullāb. Peringkat ketiga, al-Ash'ari meninggalkan Ibn Kullāb dengan berpegang kepada ASWJ bermanhaj Salaf berdasarkan karyanya *al-Ibānah 'an Uṣūl al-Diyānah*. Berdasarkan kenyataan ini, mereka menyatakan bahawa pengikut Asha'irah hari ini berpegang kepada peringkat kedua pemikiran al-Ash'ari. Manakala peringkat ketiga al-Ash'ari adalah selari dengan pendirian mereka iaitu menolak takwil terhadap nas-nas sifat *mutashābihāt*.¹⁰

Al-Fawzān menegaskan dalam beberapa kitab yang lain bahawa Asha'irah telah menyalahi para sahabat dan imam-imam mazhab dalam perkara agama dan usul akidah yang

⁹ 'Abd al-'Azīz ibn 'Abd Allāh al-Bāz dan Šāliḥ ibn Fawzān al-Fawzān, *Tanbīhāt fi al-Rad 'alā min Ta'awwala al-Šifat* (Riyadh: al-Risālah al-'Āmmah li Idārat al-Buhūth al-'Ilmiyyah wa al-Ifṭā' wa al-Da'wah al-Irshād, 1983), 6:78.

¹⁰ 'Abd al-Raḥman ibn Šāliḥ ibn Šāliḥ al-Maḥmūd, *Mawqīf Ibn Taymiyyah min al-'Ashā'irah* (Riyadh: Maktabah al-Rushd, 1995), 337-339.

mengakibatkan Asha‘irah tidak layak digelar sebagai ASWJ.¹¹ Atas alasan ini, ‘Abd al-Rahman al-Shaykh meletakkan kedudukan Asha‘irah setaraf dengan aliran Jahmiyyah dan Mu‘tazilah, bahkan turut menyatakan bahawa Asha‘irah telah dikafirkan oleh majoriti ulama ASWJ.¹² Bersandarkan dakwaan di atas juga, al-‘Uthaymīn menghukum tokoh Asha‘irah seperti Ibn Hajar al-‘Asqalānī dan al-Nawāwī bukan daripada kalangan ASWJ kerana kedua-duanya dikatakan tidak berpegang dengan metode Salaf dalam perkara *Asmā’ wa al-Ṣifāt*, malahan mereka mengikut metode bida‘ah yang bukan merupakan metode ASWJ.¹³ Petikan kenyataan al-‘Uthaymīn seperti berikut:

كمثال نجعل النووي وابن حجر من غير أهل السنة والجماعة؟ فيما يذهبان إليه في الأسماء والصفات ليسا من أهل السنة والجماعة. بالإطلاق ليسوا من أهل السنة والجماعة؟ لا نطلق ولهذا أنا قلت لك إن من خالف السلف في صفات الله لا يعطى الاسم المطلق بأنه من أهل السنة والجماعة، بل يقيد يقال هو من أهل السنة والجماعة في طريقته الفقهية مثلاً، أما في طريقته البدعية فليس من أهل السنة والجماعة.

Kenyataan seumpama itu turut dilantunkan oleh al-Albānī yang melontarkan pandangan bahawa pengikut Asha‘irah serta ulamanya seperti Ibn Hajar al-‘Asqalānī dan al-Nawāwī termasuk dalam golongan bida‘ah kerana bersalahan dengan al-Qur’an dan Hadīth dalam mentakwilkan nas-nas sifat *mutashābihāt*. Namun al-Albani, sebagaimana al-Bāz dan al-Fawzān, turut mengecualikan al-‘Ashā‘arī atas dasar beliau dipercayai telah kembali kepada ASWJ manhaj Salaf,¹⁴ dengan merujuk kepada

¹¹ Ṣāliḥ ibn Fawzān ibn ‘Abd Allāh al-Fawzān, *Min Mashahir al-Mujaddidīn fi al-Islām* (Riyadh: al-Risālah al-‘Āmmah li Idārat al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da‘wah al-Irshad, 1986), 32.

¹² ‘Abd al-Rahman ibn Hasan Āl al-Shaykh, *Fath al-Majīd Sharḥ Kitāb al-Tawḥīd*, taḥqīq: ‘Abd al-‘Azīz ibn ‘Abd Allāh al-Bāz (Riyadh: Dār al-Salām, t.t.), 342.

¹³ Muḥammad ibn Ṣāliḥ al-‘Uthaymīn, *Liqā’ al-Bāb al-Maftūḥ* (Riyadh: Dār al-Waṭan li al-Nashr, 1986), 8:42.

¹⁴ Muḥammad Nāṣir al-Albānī, *Silsilah al-Hudā wa al-Nūr 666: Man huwā al-Mubtadi’ wa man huwā al-Kāfir*. Lihat *Silsilah al-Hudā wa al-Nūr 666*, laman sesawang “*Ahl al-Ḥadīth wa al-Athar*”, <http://alathar.net/home/esound/index.php?op=codevi&coid=5914>

tiga peringkat pemikiran yang telah dilaluinya. Petikan kenyataan al-Albānī seperti berikut:

مثل النووي وابن حجر العسقلاني وأمثالهم فهؤلاء والله من الظلم أن يقال عنهم إنهم من أهل البدعة أنا أعرف أهما من الأشاعرة لكنهما ما قصدوا مخالفة الكتاب والسنة وإنما وهموا وظنوا أن ما ورثوه من عقيدة الأشعرية ظنوا شيئين أولاً أن الإمام الأشعري يقول ذلك وهو لا يقول ذلك إلا قديماً لأنه رجع عنه وثانياً توهموه صواباً وليس بصواب هات مددك الآن.

Dalam kitab yang lain, al-'Uthaymīn melanjutkan perbincangan dengan menyatakan bahawa kesesatan Asha'irah adalah kerana mereka telah menjadikan akal sebagai rujukan dalam perbincangan nas sifat *mutashābihāt*, sebagaimana Mu'tazilah, dan mengetepikan *naql* daripada al-Qur'an dan Hadith. Justeru, beliau berpandangan bahawa takwil dalam kalangan Asha'irah merupakan suatu bentuk penyelewengan dalam akidah.¹⁵ Petikan kenyataan al-'Uthaymīn seperti berikut:

سبب ضلال المذاهب المنحرفة في كلام الله تعالى وأشهرها الأشاعرة والمعتزلة جعلوا مرجع الصفات إلى العقل ولم يجعلوها إلى النقل، يعني مدارك العلوم فيما يتعلق بصفات الله عندهم العقل وليس النقل، فيقولون: ما خالف العقل فإننا نسلك فيه أحد أمرين: إما أن نأوله وإما أن نفوضه، والتاويل يعني التحريف غي الحقيقة.

Berdasarkan kenyataan tokoh Wahabi (Salafi) tersebut, al-Ḥawālī dalam kitabnya *Manhaj al-'Ashā'irah fī al-'Aqīdah* menyimpulkan bahawa golongan Asha'irah bukan ASWJ, sebaliknya mereka hanyalah ahli kiblat. Ini kerana, Asha'irah didakwa telah banyak melakukan kesesatan dan bida'ah yang bertentangan dengan mazhab Salaf.¹⁶ Semua kenyataan di atas sekalipun sebahagian mereka tidak menyebutkan secara jelas bahawa Asha'irah bukan ASWJ, tetapi mereka sememangnya bermaksud untuk mengeluarkan pengikut aliran Asha'irah dari

¹⁵ Muḥammad ibn Ṣāliḥ al-'Uthaymīn, *Sharḥ 'Aqīdah Aḥl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* (Mesir: Dār al-Yaqīn, 2008), 129-130.

¹⁶ Safr ibn 'Abd al-Raḥman al-Ḥawālī, *Manhaj al-'Ashā'irah fī al-'Aqīdah* (Yaman: Dār al-Quds, t.t.), 43.

ASWJ dan secara nyata menisbahkan kesesatan kepada aliran mazhab arus perdana di dunia Islam ini. Sesiapa yang membaca kitab-kitab mereka pasti akan memahami maksud yang dikehendaki oleh mereka tersebut.

Dalam konteks Malaysia pula, pemikiran ini didapati kian menular dalam kalangan pengikut aliran ini yang turut menghukum sesat serta syirik kepada sesiapa yang melakukan takwilan terhadap nas-nas sifat *mutashābihāt*.¹⁷ Malah mereka juga meletakkan Asha‘irah setaraf dengan aliran bidaah yang lain seperti Mu‘tazilah dan Jahmiyyah dengan menyatakan bahawa Asha‘irah pada zaman kini adalah bermanhaj Ibn Kullāb.¹⁸ Berikut beberapa petikan kenyataan Sulaiman Noordin:

1. “Kaedah ini (takwil *al-qānūn al-kullī*) digunakan oleh al-Jahmiyah, al-‘Asha‘irah dan ahli Kalam apabila mentakwilkan sifat-sifat Allah SWT.”
2. “Ajaran al-‘Asha‘irah selepas Abū Ḥasan al-‘Ashā‘arī *rahimahullah* lebih kurang 100 hingga 150 tahun, telah dicemari dengan ajaran al-Muktazilah dan al-Jahmiyah.
3. Dewasa ini *madrasah al-Ashā‘irah* mempertahankan apa yang dipertahankan oleh al-Muktazilah dan al-Jahmiyah semasa mereka diserang oleh pengikut al-Kullabiyah (300H). Ajaran al-Jahmiyah ini diberi label al-‘Ashā‘irah.”
4. “*Manhaj al-Madrasah al-Ashā‘irah* pada zaman kemudian sebenarnya manhaj Ibn Kullab bercampur aduk dengan asas pemikiran al-Muktazilah dan al-Jahmiyah dalam masalah menetapkan sifat Allah SWT.”

Sehubungan itu, mereka menyatakan bahawa jika masyarakat awam diberitahu tentang penyelewengan ini, sudah tentu mereka akan menolak aliran Asha‘irah.¹⁹ Beberapa contoh yang dikemukakan ini dianggap sudah memadai bagi membuktikan bahawa pemikiran dan gerakan Wahabi (Salafi) yang menolak Asha‘irah sebagai ASWJ turut wujud di Malaysia. Mereka tanpa berselindung lagi mendakwa Asha‘irah adalah setaraf dengan aliran bidaah yang lain. Justeru, bagi menjawab dakwaan ini,

¹⁷ Rasul Dahri, Koleksi Kuliah-kuliah Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah menurut Manhaj Salaf As-Soleh (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2001), 1:131.

¹⁸ Sulaiman Noordin, *Sejarah Pemikiran 2* (Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 224, 239, 494.

¹⁹ *Ibid.*, 227.

penjelasan mengenai kedudukan Asha'irah sebagai ASWJ perlu dirincikan agar tidak berlaku kekeliruan dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

Kedudukan Asha'irah Sebagai ASWJ: Satu Analisis

Berdasarkan sorotan daripada perbincangan para ulama, definisi ASWJ dapat dikategorikan kepada dua bentuk iaitu definisi umum dan definisi khusus.²⁰ Pengertian umum ASWJ adalah kumpulan majoriti umat Islam yang mengikuti jejak langkah yang dilalui Rasulullah SAW, serta para sahabat, dalam memahami dan mempraktikkan Islam merangkumi aspek akidah, fiqh dan akhlak.²¹ Justeru, sebarang aliran dan individu yang terkeluar daripada kumpulan majoriti umat Islam dan tidak mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW sebagai panduan dan ikutan melalui petunjuk al-Qur'an dan Sunnah, adalah terkeluar daripada definisi umum ini, walaupun mereka mendakwa sebagai golongan ASWJ.²² Bahkan perencaman daripada aspek sejarah berhubung kemunculan aliran bidaah turut membuktikan bahawa mereka bukan daripada kalangan ASWJ.

Kemunculan ASWJ jauh berbeza dengan situasi kemunculan beberapa aliran bidaah, seperti Syiah dan Khawarij. Ini kerana kemunculan kedua-dua golongan ini adalah bermotifkan politik kepimpinan umat Islam yang berlaku pada zaman Khulafa' al-Rasyidin, khususnya ketika pemerintahan Uthman RA dan 'Ali RA. Sehubungan itu, golongan Syiah dan Khawarij lebih dirujuk sebagai dua buah parti politik agama terawal lahir dalam sejarah umat Islam sebelum kedua-dua aliran ini berkembang menjadi sebahagian daripada aliran pemikiran akidah.²³ Keadaan ini jauh berbeza daripada sejarah ASWJ yang merupakan manifestasi

²⁰ Muḥammad 'Aqīl ibn 'Alī al-Mahdalī, *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah: Madkhal wa Dirāsah* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, t.t.), 7.

²¹ 'Alī Jum'ah, *Al-Bayān Limā Yashghal al-Azhan: Fatāwā Shāfiyah Qaḍāyā 'Ājilah* (Kaherah: al-Muqattam li al-Nashr wa al-Tawzī', 2009), 16; al-Mahdalī, *op.cit.*, 7.

²² Jalāl Muḥammad Mūsā, *Nashā'ah al-Ash'ariyyah wa Taṭawwuruhā* (Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnānī, 1982), 15; Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, *Definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Satu Analisis*, "Jurnal Usuluddin 25 (2007), 140.

²³ Muḥammad Abū Zahrah, *Tarīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah* (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabiyy, 1996), 31; Abdul Shukor Husin, *op.cit.*, 14.

daripada agama Islam. Penjenamaan ASWJ digunakan bagi tujuan membezakannya dengan aliran bida'ah yang lain tetapi turut mendakwa bahawa mereka juga menjunjung ajaran Islam sebenar.

Dalam usaha menegaskan kedudukan dan jenama ASWJ ini, aspek utama yang wajar dirincikan adalah berkaitan istilah al-Jama'ah atau aliran yang terdapat dalam kalimah ASWJ bagi menentukan aliran manakah yang termasuk dalam ASWJ. Perkara ini perlu direncami untuk membezakan antara kelompok ASWJ dengan aliran bidaah. Sehubungan itu, pengertian khusus diketengahkan bagi merincikan maksud ASWJ dan sekaligus melengkapkan definisi umum.

Tidak dinafikan, terdapat beberapa riwayat yang menjelaskan maksud al-Jama'ah tersebut, antaranya sabda Rasulullah SAW:

أَلَا إِنَّ مَنْ قَبْلَكُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ افْتَرَقُوا عَلَى اثْنَتَيْنِ وَسَبْعِينَ مِلَّةً، وَإِنَّ هَذِهِ
الْإِمَّةَ سَتَفْتَرِقُ ثَلَاثَ وَسَبْعِينَ، اثْنَتَانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ، وَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ، وَهِيَ
الْجَمَاعَةُ.

Terjemahan: Sesungguhnya telah berpecah Ahli Kitab sebelum kamu kepada 72 golongan. Umat ini (umat Islam) akan berpecah kepada 73 golongan. 72 golongan dimasukkan ke neraka dan satu golongan sahaja dimasukkan ke syurga iaitu al-Jama'ah.²⁴

Merujuk kepada hadith tersebut, al-Baghdādī menegaskan bahawa golongan ke-73 itu adalah ASWJ yang terdiri daripada *Ahl al-Ra'yi*, *Ahl al-ḥadīth* yang bukan mempermainkan hadith, ulama fiqh, penghafal al-Qur'an, periwayat Hadith dan *Ahl al-Kalām*²⁵ daripada kalangan *Ahl al-Ḥadīth*. Termasuk juga di dalam golongan ini ialah pengikut-pengikut Abū Ḥanīfah, Mālik, al-Shāfi'ī, al-Awzā'ī, al-Thawrī dan *Ahl al-Zahir*.²⁶ Al-Baghdādī selanjutnya, menjelaskan mengenai golongan al-Jama'ah yang

²⁴ Hadith riwayat Abī Dāwūd, No. Hadis: 4587. Lihat Sulaymān ibn al-Ash'ath Abī Dāwūd, "Sunan Abī Dāwūd", tahqiq: Muḥammad 'Awwāmah (Beirut: Muassasah al-Riyadh, 1998), 5:182.

²⁵ Istilah *Ahl al-Kalām* di sini adalah merujuk kepada golongan Asha'irah dan Maturidiyyah.

²⁶ Abū Mansūr 'Abd al-Qāhir ibn Ṭāhir ibn Muḥammad al-Baghdādī, *Al-Farq Bayna al-Firāq*, tahqiq: Muḥammad Muḥy al-Dīn 'Abd al-Ḥāmid (Kaerah: Dār al-Talā'ī, t.t.), 27-28.

termasuk dalam ASWJ kepada lapan golongan sebagaimana berikut:

1. Golongan yang memiliki ilmu dalam perkara berkaitan dengan ketauhidan Allah SWT, kenabian, hukum-hakam, janji baik dan janji buruk, dosa dan pahala, syarat-syarat ijihad, keimaman, kepimpinan dan mereka ini mengikuti jalan golongan *Sifāṭiyyah* dalam kalangan *Mutakallimīn* yang bersih daripada fahaman *tashbih* dan *ta'til* serta bersih dari bida'ah golongan Rafidah, Khawarij, Jahmiyyah, Najjariyyah dan semua ahli hawa nafsu dan sesat.

2. Golongan imam-imam fiqh sama ada daripada kalangan *Ahl al-Ra'yī* dan *Ahl al-Ḥadīth* yang mempunyai akidah *Uṣūl al-Dīn* seperti mazhab *Sifāṭiyyah* mengenai Allah SWT dan sifat-sifat azali-Nya. Mereka bersih daripada fahaman Qadariyyah dan Mu'tazilah dan menetapkan bahawa Allah SWT boleh dilihat di akhirat kelak dengan mata dan bukan secara *tashbih* dan *ta'til*. Golongan ini memperakui kewujudan perhimpunan Mahsyar setelah manusia dibangunkan dari kubur, soalan di dalam kubur, kolam di Mahsyar, titian sirat, syafaat dan keampunan dosa selain dosa syirik. Golongan ini juga menetapkan berkekalan nikmat di syurga kepada penghuni-penghuninya dan berkekalan azab di neraka kepada golongan kafir.

Golongan ini mengiktiraf khalifah Abu Bakar RA, 'Umar RA, 'Uthman RA dan 'Ali RA. Golongan ini menyanjung pujian kepada Salaf al-Saleh dalam kalangan umat ini. Mereka juga berpegang bahawa wajib solat Jumaat di belakang imam-imam yang melepaskan diri daripada golongan hawa nafsu yang sesat, wajib mengeluarkan hukum-hakam fiqh daripada al-Qur'an dan *ijma'* para sahabat, harus menyapu dua *khuf*, berlakunya talak tiga, haram perkahwinan secara *mut'ah* dan wajib taat pemerintah kecuali di dalam perkara kemaksiatan. Termasuk di dalam kumpulan ini ialah pengikut-pengikut Mālik, al-Shāfi'ī, al-Awzā'ī, al-Thawrī, Abū Ḥanīfah, Abī Laylā, Abī Thūr, Aḥmad bin Ḥanbal, *Ahl al-Zāhir* dan semua ahli fiqh yang mempunyai akidah berkaitan prinsip akal atau usul Sifatiyyah dan tidak mencampurkan hukum-hakam fikah mereka daripada bidaah ahli hawa nafsu yang sesat.

3. Golongan yang mempunyai ilmu pengetahuan mengenai jalan-jalan khabar, Sunnah dan peninggalan Nabi SAW. Mereka

mampu membezakan di antara yang sah dan tidak benar serta mengetahui sebab-sebab *al-jarh* dan *al-ta'dīl*. Mereka tidak mencampurkan ilmu itu dengan bidaah ahli hawa nafsu yang sesat.

4. Golongan yang memiliki ilmu berkaitan dengan Kesusasteraan (Adab), Nahu dan Saraf. Mereka ini adalah tokoh-tokoh bahasa Arab seperti al-Khalīl, Abī 'Amrū bin al-'Alā', Sibawayh, al-Farra', al-Akhfash, al-Asmā'i, al-Mazini, Abī 'Ubayd dan seluruh imam-imam Nahu sama ada dari aliran Kufah atau Basrah yang tidak mencampurkan ilmu mereka dengan sesuatu dari bidaah Qadariyyah, Rafidah atau Khawarij. Sesiapa yang cenderung ke arah hawa nafsu yang menyesatkan, maka mereka bukan dari golongan ASWJ dan kata-kata mereka di dalam bahasa Arab dan Nahu tidak boleh dijadikan hujah.

5. Golongan yang menguasai ilmu pengetahuan berkaitan dengan kaedah bacaan al-Qur'an dan bentuk tafsiran serta takwilan al-Qur'an berdasarkan mazhab ASWJ tanpa berpegang dengan takwilan ahli hawa nafsu yang sesat.

6. Golongan ahli Tasawuf yang zuhud iaitu mampu melihat dengan mata hati dan menahan diri, mereka diuji lalu mereka mengambil pengajaran, mereka reda dengan takdir serta memadai dengan nikmat kehidupan yang diperolehi, mereka mengetahui bahawa penglihatan, pendengaran dan hati dipertanggungjawabkan terhadap kebaikan dan kejahatan, maka mereka menghitungnya walaupun sebesar zarah. Mereka menyediakan diri dengan sebaik-baik persediaan untuk hari kiamat. Mereka berjalan di atas jalan ibarat dan isyarat mengikut jalan ahli Hadith tanpa mereka mengikut pandangan ahli Hadith yang menyimpang. Mereka tidak melakukan kebaikan kerana riak, tidak pula meninggalkan kebaikan kerana malu. Agama mereka hanyalah tauhid dan menafikan *tashbīh*, mazhab mereka ialah *tafwīd* kepada Allah SWT, bertawakkal kepada-Nya, pasrah kepada urusan-Nya, memadai dengan apa yang direzekikan-Nya dan berpaling daripada membantah kepada-Nya. Firman Allah SWT:

ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ.

Terjemahan: Demikianlah kurniaan Allah yang diberikannya kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah mempunyai kurniaan yang besar.²⁷

7. Golongan yang terikat dalam barisan orang Islam untuk berperang dengan orang kafir, berjihad melawan musuh Islam, melindungi maruah umat Islam, mempertahankan keluarga dan negara mereka, maka terzahirlah mereka adalah mazhab ASWJ. Mereka inilah golongan yang menepati firman Allah SWT berikut:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَهُمْ صُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ.

Terjemahan: Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredhaan) Kami, sesungguhnya akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami dan sesungguhnya Allah benar-benar bersama dengan orang-orang yang berbuat baik.²⁸

8. Golongan yang tinggal di negeri yang berada di bawah taklukan ASWJ dan bukan di negeri yang terdapat ahli hawa nafsu yang sesat. Ia merujuk kepada masyarakat awam yang mempunyai iktikad menepati ulama ASWJ di dalam perkara yang berkaitan dengan keadilan dan ketauhidan serta janji baik dan janji buruk. Mereka merujuk kepada ulama ASWJ di dalam hal-hal yang menyentuh keagamaan, mengikut ulama pada masalah cabang halal dan haram serta tiada perkara bidaah daripada ahli hawa nafsu yang sesat. Mereka ini dinamakan oleh ahli tasawuf sebagai pengisi syurga (*hushu al-jannah*).²⁹

Manakala Ibn al-Athīr berpandangan bahawa maksud al-Jama'ah adalah kelompok manusia terbesar (majoriti) yang terdiri daripada umat Islam yang bersepakat untuk mengikut jalan lurus dan mentaati pemerintah mereka.³⁰ Selain daripada itu, istilah al-Jama'ah juga turut meliputi kumpulan besar umat Islam yang bersepakat untuk mengikut jalan para sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in yang diambil daripada Sunnah Rasulullah SAW.³¹

²⁷ Al-Jum'ah 62:4

²⁸ Al-'Ankabūt 29:69

²⁹ Al-Baghdādī, Al-Farq Bayna al-Firāq, 234-237.

³⁰ Majd al-Dīn Abū al-Sa'ādāt al-Mubārak ibn Muḥammad al-Jazarī ibn al-Athīr, *Al-Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athār*, taḥqīq: Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāhī dan Ṭāhīr Aḥmad al-Zawī (T.t.p: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 1963), 2:419.

³¹ Abdul Shukor, *Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula*, 16.

Al-Shatībī pula mengumpulkan pelbagai pandangan dan huraian berhubung maksud al-Jama‘ah seperti berikut: Pertama, mereka adalah majoriti umat Islam (*al-Sawad al-A‘zam*). Kedua, mereka adalah sekumpulan ulama mujtahid. Ketiga, mereka adalah para sahabat. Keempat, mereka adalah jama‘ah (golongan) umat Islam. Kelima, mereka adalah umat Islam yang berada di bawah pemerintah Islam.³²

Sehubungan itu, istilah al-Jama‘ah dapat disimpulkan sebagai kumpulan terbesar umat Islam yang bersepakat mengikut jalan kebenaran daripada ajaran Rasulullah SAW merangkumi al-Qur‘an dan Hadith. Pengertian al-Jama‘ah ini bertepatan dengan Hadith Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَجْمَعُ أُمَّتِي عَلَى ضَلَالَةٍ، وَيَدُ اللَّهُ مَعَ الْجَمَاعَةِ، وَمَنْ شَدَّ شَدَّ إِلَى النَّارِ.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak akan mempersepakatkan umatku di atas kesesatan. Yad (tangan) Allah³³ bersama al-Jama‘ah dan sesiapa yang menyendiri, dia akan menyendiri di dalam neraka.³⁴

Di samping itu, berdasarkan kajian *The Royal Islamic Strategic Studies Centre*, Asha‘irah dan Maturidiyyah merupakan aliran majoriti umat Islam dengan 90 peratus daripada keseluruhan umat Islam di dunia adalah pengikut aliran *Ahl al-Kalam* ini.³⁵ Malah al-Qaradawi ketika mempertahankan Universiti al-Azhar yang berpegang dengan akidah Asha‘irah daripada tohmahan Salafiyah Wahabiyah, beliau menyatakan bahawa Asha‘irah merupakan pegangan majoriti umat Islam di seluruh dunia

³² Abī Ishāq Ibrāhīm ibn Mūsā al-Shatībī, *Al-I‘tiṣam*, taḥqīq: Abū ‘Ubaydah Mashhūr ibn Ḥasan ‘Alī Sulayman (t.t.p: Maktabah al-Tawḥīd, t.t.), 3:300-312.

³³ Ungkapan *yad Allah* (secara bahasanya bermaksud tangan Allah) ini adalah lafaz berbentuk *majāzī* yang termasuk dalam nas *mutashābihāt*. Ia tidak boleh difahami secara *haqiqah* kerana boleh membawa kepada fahaman *tashbih* dan *tajsīm*. Lihat Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Shahrizal Nasir dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar, “Implikasi Penafian Majaz al-Qur‘an Terhadap Nas-Nas Sifat Mutashabihat,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 8 (2014), 136-152.

³⁴ Abī ‘Īsā Muḥammad ibn ‘Īsā al-Tirmidhī, *Al-Jāmi‘ al-Kabīr*, taḥqīq: Bashār Anwār Ma‘rūf (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1998), 4:40. No. Hadis: 2167.

³⁵ The Royal Islamic Strategic Studies Centre, *The 500 Most Influential Muslims in the World 2010* (USA: Georgetown University, 2010), 17; The Royal Islamic Strategic Studies Centre, *The 500 Most Influential Muslims in the World 2011* (USA: Georgetown University, 2011), 16.

semenjak dahulu sehingga kini.³⁶ Jika kajian dan kenyataan ini dijadikan ukuran, maka benarlah kenyataan al-Zābidī yang berpendapat bahawa apabila istilah ASWJ digunakan secara mutlak, ia merujuk kepada aliran Asha'irah dan Maturidiyyah.³⁷ Malah al-Shak'ah berpendirian bahawa Asha'irah adalah aliran yang pertama sekali yang dinamakan sebagai ASWJ dalam sejarah Islam.³⁸

Manakala 'Izz al-Dīn 'Abd al-Salām dan al-Subkī pula menyatakan bahawa para pengikut Mālik (mazhab Maliki), al-Shāfi'ī (mazhab Shafie), Aḥmad ibn Ḥanbal (mazhab Hanbali) dan sebahagiannya pengikut Abū Ḥanīfah (mazhab Hanafi) adalah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang berpegang dengan aliran Asha'irah.³⁹ Al-Saffarīnī dan Aḥmad Maḥmūd Subḥī pula membahagikan ASWJ kepada tiga golongan iaitu Athariyyah yang diketuai oleh Aḥmad bin Ḥanbal, Asha'irah yang diketuai oleh al-Ash'ari dan Maturidiyyah diketuai oleh al-Māturidī.⁴⁰ Al-Zābidī pula membahagikan ASWJ kepada tiga golongan iaitu *Ahl al-Ḥadīth*, *Ahl al-Nazar al-'Aqlī* (Asha'irah dan Maturidiyyah) dan *Ahl al-Wujdan wa al-Kashf*.⁴¹ Tuntasnya, perbincangan di atas membuktikan bahawa Asha'irah adalah golongan majoriti bagi ASWJ.

Dalam erti kata lain, definisi khusus bagi ASWJ adalah merujuk kepada golongan yang berpegang dengan aliran Asha'irah dan Maturidiyyah dalam aspek akidah. Definisi ini selari dengan ASWJ sebagai sebuah istilah teknikal yang digunakan dalam Ilmu Kalam yang dikaitkan dengan aliran

³⁶ Yūsuf al-Qarḍāwī, *La Fatwā Lishaltut bi al-Ta'bud 'alā al-Ja'fary*. Dlm. <http://www.qaradawi.net/news/537.html>

³⁷ Muḥammad ibn Muḥammad al-Ḥusaynī al-Zābidī, *Iṭḥāf al-Sādah al-Muttaqīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989), 2:8.

³⁸ Mustafā Muḥammad al-Shak'ah, *Islām bilā Madhāhib* (Kaherah: Dār al-Miṣriyyah al-Lubnāniyyah, 2006), 489.

³⁹ Tāqī al-Dīn Abī Naṣr 'Abd al-Wahab ibn 'Alī ibn 'Abd al-Kāfi al-Subkī, *Ṭabāqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*, taḥqīq: Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāhī dan 'Abd al-Faṭṭāh al-Hilw (T.tp.: Dār Ihyā' al-Kitāb al-'Arabiyyah, 1964), 3:366.

⁴⁰ Muḥammad ibn Aḥmad bin Sālim, al-Saffarīnī, *Lawāmi' al-Anwār al-Bāhiyyah*, taḥqīq: Abū 'Abd al-Raḥman 'Adl ibn Sa'īd (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2008), 1:67; Aḥmad Maḥmūd Subḥī, *Fi 'Ilm al-Kalam: Al-Ashā'irah* (Beirut: Dār al-Naḥḍah al-'Arabiyyah, 1985), 2:32.

⁴¹ Al-Zābidī, *Iṭḥāf al-Sādah al-Muttaqīn*, 2:9.

Asha'irah dan Maturidiyyah secara khusus⁴² Kerana itu, istilah ASWJ dan Asha'irah sering digunakan secara bertukar-ganti dengan maksud atau tujuan yang sama. Malah penggunaan nama ASWJ juga lebih sinonim digunakan dalam aspek akidah, walaupun istilah ini telah diluaskan penggunaannya dalam aspek fiqh dan tasawuf. Oleh itu, perbuatan mengeluarkan Asha'irah daripada mazhab ASWJ dari segi akidah adalah merupakan suatu perbuatan yang melampau dan tidak bersandarkan hujah yang kukuh.

Selain daripada aliran ASWJ sebagai golongan ke-73, sebagaimana yang disebutkan oleh al-Baghdadi, 72 golongan lagi adalah ahli bidaah yang tidak termasuk dalam ASWJ. Secara umumnya 72 golongan dimaksudkan oleh Ba'lawi ialah; Mu'tazilah berpecah menjadi 20 kumpulan, Shi'ah berpecah menjadi 22 kumpulan, Khawarij berpecah menjadi 20 kumpulan, Murji'ah berpecah menjadi lima kumpulan, Najjariyyah berpecah menjadi tiga kumpulan, Jabariyyah hanya satu kumpulan dan Mushabbihah atau Mujassimah hanya satu kumpulan.⁴³ Perbincangan mengenai pecahan aliran ini terdedah kepada wacana yang lebih luas kerana pastinya sentiasa wujud aliran baru yang menyeleweng daripada landasan ASWJ.

Adalah janggal hanya mengutarakan perihal ASWJ tanpa mengenali sosok tubuh yang bertanggungjawab mengasaskan aliran ini. Abū al-Hasan al-Ash'arī merupakan pengasas aliran Asha'irah. Beliau dilahirkan pada tahun 260 Hijrah (873 Masihi) di Basrah dan meninggal dunia pada tahun 330 Hijrah (941 Masihi) di Baghdad. Pendapat lain menyatakan al-Ash'ari meninggal dunia pada tahun 320 Hijrah atau 324 Hijrah.⁴⁴ Berdasarkan tahun kelahiran al-Ash'ari, beliau termasuk dalam kalangan generasi Salaf. Gelaran nama al-Ash'ari pula merupakan nisbah daripada keturunan salah seorang sahabat Rasulullah SAW

⁴² Zakaria Stapa, "Kedudukan Pemikiran al-Ash'ari dan al-Maturidi dalam Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah" *Jurnal Islamiyyat* 33 (2011): 37-44.

⁴³ 'Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Husayn ibn 'Umar Ba'lawī, *Bughyah al-Mustarshidīn* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1978), 297.

⁴⁴ 'Alī ibn al-Hasan ibn Hibah Allāh Ibn al-'Asākīr, *Tabyīn Kadhīb al-Muftarī fīmā Nuṣiba ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ashā'arī* (Damsyik: t.p., 1925), 147; 'Abd al-Rahīm Jamāl al-Dīn al-Asnāwī, *Ṭabāqāt al-Shāfi'iyyah* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. 1987), 1:47; Abū Zahrah, *Tarīkh al-Madhāhib al-Islamiyyah*, 163.

iaitu Abu Musa al-Ash'ari RA (m. 44H). Dalam hal ini, Rasulullah SAW dilaporkan pernah menyatakan bahawa kaum yang mengikut Abū Mūsā al-Ash'ari RA adalah kaum yang selamat dan dicintai oleh Allah SWT.

عياض الأشعري يقول: لما نَزَلَتْ (فَسَوْفَ يَأْتِي اللَّهُ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُ) قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: هُمْ قَوْمُكَ يَا أبا موسى وأومئ رسول الله صلى الله عليه وسلم بيده إلى أبي موسى الأشعري.

Terjemahan: 'Iyād al-Ash'ari berkata: Ketika turunnya ayat (bermaksud: Allah akan mendatangkan satu kaum yang Allah mencintai mereka dan mereka mencintai-Nya (al-Mā'idah (5): 54)) maka sabda Rasulullah SAW: Mereka adalah kaum kamu wahai Abā Mūsā. Sambil itu Rasulullah SAW menunjukkan tangannya kepada Abī Mūsā al-Ash'arī.⁴⁵

Dalam tafsiran al-Qushayrī yang merujuk ayat al-Mā'idah (5): 54 dan sekaligus menjelaskan pengertian Hadith di atas, beliau menyatakan bahawa Hadith tersebut memaksudkan pengikut al-Ash'ari adalah termasuk dalam kaum Abu Musa al-Ash'ari. Menurut al-Qushairi lagi, penisbahan ini adalah bertepatan dengan al-Qur'an. Ini kerana setiap penisbahan kaum yang didatangkan oleh al-Qur'an terhadap para rasul-Nya, maka ia bermaksud pengikut para rasul tersebut.⁴⁶ Oleh itu, menisbahkan al-Ash'ari dan pengikut alirannya kepada kaum Abu Musa al-Ash'ari seperti yang dinyatakan oleh Hadith itu mempunyai sandaran yang kukuh. Ini membolehkan aliran Asha'irah terus bertahan dan berkembang sehingga sampai kepada generasi hari ini.

Sebagaimana yang diperkatakan sebelum ini mengenai kewujudan dakwaan bahawa al-Ash'ari telah melalui tiga peringkat pemikiran sehingga mencetuskan beraneka pandangan terhadap sosok tubuh pengasas Asha'irah. Realitinya; perihal ini tidak pernah disebutkan oleh mana-mana sarjana dan ulama selepas al-Ash'ari. Adalah mustahil, para sarjana dan ulama

⁴⁵ Muḥammad ibn 'Abd Allāh ibn 'Abd Allāh al-Hākīm, *Al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*, taḥqīq: Muṣṭafā 'Abd al-Qādir 'Atā (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1990), 2:342. No. Hadis: 3220.

⁴⁶ Abī 'Abd Allāh Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abī Bakr al-Qurṭubī, *Al-Jāmi' al-Aḥkām al-Qur'ān*, taḥqīq: 'Abd Allāh ibn 'Abd al-Muḥṣin al-Tarkī (Beirut: Muassasah al-Risalah, 2006), 8:52-53.

tersebut bersepakat atau sengaja melupakan isu ini sekiranya benar al-Ash‘ari melalui tiga peringkat pemikiran memandangkan beliau merupakan seorang ulama yang termasyhur dan diiktiraf sebagai tempat rujukan.⁴⁷ Absahnya, sebagaimana catatan dan tulisan Ibn Furak dan Ibn al-‘Aākir, al-Ash‘ari hanya melalui dua peringkat pemikiran sahaja iaitu Mu‘tazilah dan ASWJ.⁴⁸ Kenyataan sama turut dikemukakan oleh Ibn Khallikan dengan menegaskan bahawa al-Ash‘ari merupakan seorang pembela ASWJ.⁴⁹ Menurut Ibn Khaldun pula, setelah al-Ash‘ari berpaling daripada Mu‘tazilah, beliau telah mengikuti tokoh Salaf daripada kalangan ASWJ seperti Ibn Kullab, al-Muḥāsibī dan al-Qalānisī.⁵⁰

Berdasarkan kenyataan Ibn Khaldun tersebut juga, Ibn Kullab adalah salah seorang tokoh ASWJ. Hal ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan beberapa ulama tentang Ibn Kullab seperti Ibn ‘Asakir yang menukikan penolakan al-Qayrawani terhadap Mu‘tazilah kerana menyatakan Ibn Kullab adalah ahli bidaah. Bahkan beliau menegaskan bahawa Ibn Kullab merupakan ulama ASWJ yang berusaha keras menentang aliran bida‘ah.⁵¹ Al-Dhahabi dan al-Subki juga menyatakan perkara yang sama terhadap Ibn Kullab dan mengakui bahawa beliau merupakan seorang tokoh ulama ASWJ generasi Salaf.⁵² Disebabkan itu, al-Bukhari dalam kebanyakan perkara berkaitan dengan persoalan akidah dikatakan akan mengambil pendapat Ibn Kullab dan al-Karābīsī.⁵³

⁴⁷ Hamda al-Sinan dan Fauzi al-Anjari, *Ahl al-Sunnah al-Asha‘irah* (Kuwait: Dār al-Ḍiyā’, 2006), 45.

⁴⁸ Ibn ‘Asākir, *Tabyīn Kadhīb al-Muftarī fīmā Nuṣiba ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ashā‘arī*, 127.

⁴⁹ Abī al-‘Abbās Shams al-Dīn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Abī Bakr Ibn Khallikan, *Wafayāt al-A‘yan wa Anba’ Abna’ al-Zaman* (Beirut: Dār al-Thaqāfah, t.t.), 3:284-285.

⁵⁰ ‘Abd al-Raḥman ibn Muḥammad Ibn Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, taḥqīq: ‘Alī ‘Abd al-Wāḥid Wāfi (Kaheerah: Dār Nahḍah Misr, t.t.), 3:1088.

⁵¹ Ibn ‘Asākir, *Tabyīn Kadhīb al-Muftarī fīmā Nuṣiba ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ashā‘arī*, 406.

⁵² Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad ibn ‘Uthmān al-Dhahabī, *Siyār A‘lām al-Nubālā*, taḥqīq: Shu‘ayb al-Arnaūṭ (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1996), 11:174; al-Subkī, *Tabāqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*, 2:300.

⁵³ Aḥmad ibn ‘Alī ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, taḥqīq: ‘Abd al-Qādir Shaybah al-Hamad (Riyadh: Maktabah al-Mālik, 2001), 1:293.

Bukan itu sahaja, berdasarkan kajian akademik, peringkat terakhir pemikiran al-Ash'ari adalah menggunakan kedua-dua metode sekaligus, iaitu metode Salaf dan metode Khalaf, berdasarkan dalil *naqli* dan dalil *'aqli* melalui karyanya yang terakhir *al-Lumā' fī al-Radd 'alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*.⁵⁴ Ini bermaksud, al-Ash'ari tidak menolak kaedah takwil terhadap nas-nas sifat *mutashābihāt*. Sebaliknya al-Ash'ari menerima kedua-dua metode tersebut yang kemudiannya diikuti oleh golongan Asha'irah sehingga kini. Tuntasnya, Asha'irah adalah tunjang utama bagi mazhab ASWJ yang disepakati oleh umat Islam sejak zaman berzaman sehingga hari ini. Tindakan mengeluarkan Asha'irah daripada ASWJ bermaksud mengeluarkan majoriti ulama serta umat Islam daripada aliran ini.

Metode ASWJ Asha'irah dalam Mendepani Isu *Mutashābihāt*

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, antara perkara utama yang disentuh dalam penolakan terhadap Asha'irah adalah berkaitan nas *mutashābihāt*. Secara umumnya, nas-nas yang terkandung dalam al-Qur'an atau Hadith terdiri daripada dua jenis iaitu; *muḥkamāt* dan *mutashābihāt*.⁵⁵ Menurut majoriti ulama, nas al-Qur'an dan Hadith yang zahirnya sama dengan sifat makhluk seperti *yad* (tangan), *istiwa* (bersemayam), *wajh* (wajah), *'ayn* (mata) dan sebagainya,⁵⁶ tetapi dinisbahkan kepada Allah SWT, adalah termasuk dalam pengertian *mutashābihāt*. Pun begitu, Ibn Taymiyyah didapati tidak sependapat dengan majoriti ulama dalam perkara ini dan beliau berpendirian bahawa sifat tersebut adalah berbentuk *muḥkamāt*.⁵⁷ Menelusuri isu ini, melalui sorotan literatur membuktikan bahawa terdapat tiga kumpulan utama dalam menangani perihal nas sifat *mutashābihāt*; kumpulan pertama ialah ASWJ, kumpulan kedua ialah Mushabbihah atau

⁵⁴ Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar, "Peringkat Pemikiran Imam al-Ash'ari dalam Akidah", *International Journal of Islamic Thought* (2013), 58-70.

⁵⁵ Surah ali-'Imran 3: 7.

⁵⁶ Sifat-sifat tersebut dikenali sebagai sifat *khbariyyah* iaitu sifat yang dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Qur'an atau dilaporkan oleh hadis Rasulullah SAW.

⁵⁷ Yūsuf al-Qardāwī, *Fuṣūl fī al-'Aqīdah Bayna al-Salaf wa al-Khalaf* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2006), 34.

Mujassimah dan kumpulan ketiga ialah Mu'tazilah atau Mu'attilah.⁵⁸

Aliran arus perdana yang mendokong gagasan pemikiran ASWJ menerima pendekatan Khalaf yang berkesinambungan dengan pendekatan Salaf. Perbezaan pendekatan kedua-duanya merujuk kepada firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan tiada siapa yang mengetahui takwil (mutashābihāt) melainkan Allah dan orang-orang yang pakar tentangnya.*⁵⁹ Menurut al-Suyuti, sebahagian ulama berpendapat huruf (*waw*) dalam ayat di atas adalah huruf penghubung (*waw 'aṭaf*) antara makna sebelum dan selepasnya. Maka ayat tersebut difahami; Allah SWT dan pakar atau ulama sahaja mengetahui takwil nas-nas sifat *mutashābihāt*. Manakala sebahagian ahli tafsir pula berpandangan bahawa huruf (*waw*) berkenaan adalah huruf digunakan dalam permulaan percakapan (*waw isti'naḥ*). Maka makna difahami mereka ialah; Allah SWT sahaja yang mengetahui takwil makna nas *mutashābihāt* tersebut.⁶⁰

Sehubungan itu, terdapat dua metode yang masyhur dalam mentafsirkan nas-nas sifat *mutashābihāt*. Pertama metode *tafwīd* atau juga disebut sebagai takwil *ijmālī*, iaitu sikap tidak melakukan takwilan secara *tafsili* dan menerima pakai makna umum *qaṭ'ī* yang disepakati oleh semua ulama yang terkandung dalam nas-nas sifat *mutashābihāt*. Dalam waktu sama, metode ini juga menolak sebarang makna kekurangan bagi Allah SWT termasuk menafikan sebarang bentuk *tashbih* dan *tajsim* dengan makhluk-Nya.⁶¹ Metode ini dikatakan banyak dipraktik oleh

⁵⁸ Badr al-Dīn Muḥammad ibn 'Abd Allāh al-Zarkashī, *Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, taḥqīq: Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm (Beirut: Dār al-Jīl, 1988), 2: 78.

⁵⁹ Surah Āl-'Imran 3:7.

⁶⁰ Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥman al-Suyūṭī, *Tahdhīb wa Tartīb li Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, taḥqīq: Muḥammad ibn 'Umar (Riyadh: Dār al-Hijrah, 1992), 350; Manna al-Qaṭṭān, *Mabāhiṭh fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2000), 208; Azmil Zainal Abidin, "Pendekatan Ash'ariyyah dan Salafiyah dalam Memahami Sifat Khabariyyah: Satu Analisa Perbandingan" (Prosiding Multaqa Istana Alaeddin Bandar, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2006, 97-99.

⁶¹ Ibrāhīm ibn Muḥammad ibn Aḥmad al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murid 'alā Jawharah al-Tawhīd* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 104; Hasan al-Banna, *Al-'Aqā'id*, taḥqīq: Riḍwān Muḥammad Riḍwān (Iskandariyyah: Dār al-Da'wah, 1999), 66.

golongan Salaf⁶² kerana menurut mereka sesuatu makna khusus yang dipadankan kepada nas sifat *mutashābihāt*, adalah hanya bersifat sangkaan (*ẓannī*). Sedangkan sebahagian nas sifat *mutashābihāt* terdiri daripada persoalan akidah yang memerlukan makna yang pasti (*qaṭ'ī*).⁶³

Metode kedua iaitu takwil atau dikenali juga takwil *tafṣīlī*, dipercayai banyak digunakan oleh golongan Khalaf. Mereka beranggapan nas sifat *mutashābihāt* harus dijelaskan maknanya kerana nas-nas tersebut boleh mendatangkan kekeliruan kepada masyarakat awam, di samping memahami makna literalnya akan membawa kepada pengertian menjisimkan Allah SWT seperti makhluk-Nya.⁶⁴ Alasan tersebut menjadikan majoriti ulama Khalaf mengharuskan takwil *mutashābihāt* sesuai dengan makna yang disifatkan Allah SWT. Mereka berdalilkan sebuah Hadith yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW mendoakan Ibn 'Abbās RA supaya diajarkan ilmu takwil⁶⁵ yang menunjukkan bahawa kefahaman tentang ilmu takwil adalah suatu perkara yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada para hamba-Nya dan bukan suatu tegahan.⁶⁶

Menurut al-Qaraḍāwī, kedua-dua aliran iaitu Salaf dan Khalaf telah bersepakat tentang keharusan melakukan takwilan terhadap nas-nas sifat *mutashābihāt*. Perbezaan di antara mereka hanyalah terbatas berkaitan kefahaman Khalaf dalam mengemukakan pengertian takwil sebagai memalingkan lafaz zahir. Selain daripada hal tersebut, Salaf dan Khalaf telah bersepakat dalam tiga perkara utama iaitu; i) kedua-dua aliran bersepakat tentang

⁶² Namun terdapat beberapa takwilan terhadap nas-nas sifat *mutashābihāt* yang dilakukan ulama Salaf antaranya oleh Ibn 'Abbās RA (m. 68H), Mujāhid (m. 103H), Ḥasan al-Baṣrī (m. 110H), Sufyān al-Thawrī (m. 187H), al-Shāfi'ī (m. 204H), Aḥmad bin Ḥanbal (m. 241H), al-Suddī (m. 245H), al-Bukhārī (m. 256H), Ibn Jarīr al-Ṭabarī (m. 310H) dan lain-lain. Lihat Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar, Takwilan, "Nas-Nas Sifat Mutashabihat dalam Kalangan Salaf", *The Global Journal al-Thaqafah* 2 (2012), 82-83.

⁶³ Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī, *Manāhil al-Irfan fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Beirut: Dār al-Fikr., t.t.), 2:287.

⁶⁴ Fakhr al-Dīn Muḥammad ibn 'Umar al-Rāzī, *Asās al-Taqdīs fī 'Ilm al-Kalam* (Kaherah: Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1935), 172-175.

⁶⁵ Aḥmad ibn Hanbal, *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, taḥqīq: Sha'aib al-Arnaut (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1995), 5:215. No. Hadis: 3102.

⁶⁶ Al-Suyūfī, *Tahdhīb wa Tartīb li Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 355.

kesucian (*tanzih*) zat Allah SWT daripada segala penyerupaan atau persamaan dengan makhluk-Nya, ii) kedua-dua aliran bersepakat bahawa pengertian literal lafaz-lafaz *mutashābihāt* bukan pengertian sebenar dikehendaki, iii) kedua-dua aliran bersepakat menyatakan lafaz-lafaz tersebut hanya digunakan untuk menjelaskan persoalan dalaman hati dan tanggapan fikiran bahasa manusia.⁶⁷ Berdasarkan kesepakatan tersebut, ulama ASWJ menjelaskan bahawa metode Salaf adalah lebih selamat dan metode Khalaf pula adalah lebih bijaksana.⁶⁸

Manakala kumpulan kedua adalah aliran bidaah Mushabbihah atau Mujassimah, iaitu suatu fahaman yang terkenal dengan menyamakan atau menyerupakan Allah SWT dengan pelbagai sifat makhluk, seperti menyatakan Allah SWT itu mempunyai tangan, kaki, wajah, mata dan seumpamanya.⁶⁹ Mereka memahami nas-nas sifat *mutashābihāt* menggunakan makna hakikat dan literal semata-mata tanpa melakukan sebarang pentakwilan dengan menyatakan takwilan akan mengurangkan serta menafikan sifat Allah SWT. Bahkan Hashawiyah di antara kelompok ahli Hadith yang didapati terpengaruh dengan fahaman ini. Pun begitu, mereka sering berselindung di sebalik nama Salaf dalam membenarkan dakwaan mereka. Bahkan, Hashawiyah lantang menyatakan bahawa kefahaman mereka tentang nas-nas sifat *mutashābihāt* melalui pendekatan *tashbih* Mushabbihah atau *tajsim* Mujassimah merupakan metode para Salaf.⁷⁰

Manakala kumpulan ketiga iaitu Mu'tazilah dikenali sebagai Mu'attilah yang mengingkari dan menafikan sifat *khbariyyah* bagi Allah SWT dengan cara mentakwilkan pelbagai sifat Allah SWT dalam al-Qur'an atau Hadith kepada pengertian lain.⁷¹ Pendekatan Mu'attilah ini jelas berbeza dengan metode takwil

⁶⁷ Al-Qarḍāwī, *Fuṣul fī al-'Aqīdah Bayna al-Salaf wa al-Khalaf*, 33-34.

⁶⁸ Al-Bayjūrī, *Tuḥfah al-Murīd 'alā Jawharah al-Tawḥīd*, 104.

⁶⁹ Abī al-Faṭḥ Muḥammad 'Abd al-Karīm ibn Abī Bakr al-Sharastānī, *Al-Milal wa Nihal*, taḥqīq: Āmir 'Alī Mahna dan 'Alī Ḥasan Fa'ūr (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1993), 1:120-121; Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī, *Al-Iqtṣād fī al-'Itiqād*, taḥqīq: Insaf Ramadan (Damsyik: Dār Qutaybah, 2003), 70.

⁷⁰ 'Abd Allāh al-Ṣiddīq al-Ghumārī, *Itqān al-San'ah fī Taḥqīq Ma'nā al-Bid'ah* (Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, 2007), 24; al-'Izz al-Dīn 'Abd al-Salām, *Rasā'il fī al-Tawḥīd*, taḥqīq: Ayadakhali al-Taba' (Damsyik: Dār al-Fikr, 1995), 16.

⁷¹ Al-Sharastānī, *Al-Milal wa Nihal*, 1:104.

Khalaf kerana takwilan Khalaf bukan suatu bentuk penafian atau pendustaan terhadap sifat-sifat Allah SWT. Sebaliknya ia menepati kaedah bahasa Arab berdasarkan syarat-syaratnya tanpa mereka menafikan sifat Allah SWT secara mutlak.⁷² Pendakwilan Mu'atilah atas sebab pendirian mereka yang berpandangan jika Allah SWT memiliki sifat, maka telah wujud dua perkara *qadīm*; pertamanya sifat-Nya yang *qadīm* dan keduanya zat-Nya yang *qadīm*. Hal ini bercanggah dengan konsep falsafah yang dipegang oleh Mu'tazilah, iaitu kewujudan sesuatu yang *qadīm* adalah esa dalam semua aspek.⁷³

Amat jelas bahawa penolakan takwil terhadap nas sifat *mutashābihāt* oleh sarjana aliran Wahabi (Salafi) adalah didasari oleh penolakan mereka terhadap *majaz* dan pemahaman secara zahir atau hakikat. Mereka juga menyatakan bahawa menolak makna zahir merupakan perbuatan *ta'til*.⁷⁴ Pendekatan ini bertentangan dengan ASWJ kerana keberadaan *majāz* dalam al-Qur'an merupakan perkara yang telah disepakati oleh ulama ASWJ, iaitu sesuai dengan kaedah-kaedah bahasa Arab. Justeru, menafikan *majaz* dalam pentafsiran al-Qur'an bermaksud menetapkan Allah SWT dengan sifat-sifat kekurangan sebagaimana sifat makhluk-Nya. Malah penafian *majāz* al-Qur'an juga mewujudkan gejala *tajsim* dan *tashbih* terhadap Allah SWT sebagaimana fahaman Mujassimah dan Mushabbihah.⁷⁵ Perkara ini lazimnya dibahaskan pada bahagian tauhid *Asmā' wa al-Ṣifāt* dalam pengajian Tauhid Tiga.⁷⁶

⁷² Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, *Al-Salāfiyyah: Marhalah Zamāniyyah Mubārakah la Madhhab Islāmī* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2007), 137.

⁷³ Al-Sharastānī, *Al-Milal wa Nihal*, 1:57; 'Abd al-Mun'im al-Hafānī, *Al-Mu'jam al-Shāmil li Muṣṭalahāt al-Falsafah* (Kaherah: Maktabah al-Madbulī, 2000), 817.

⁷⁴ Muhammad ibn Ṣāliḥ al-'Uthaymīn, *Sharḥ al-'Aqīdah al-Saffariniyyah* (Beirut: al-Kitāb al-'Alāmī li al-Nashr, 2008), 72-75.

⁷⁵ Rashidi et al., "Implikasi Penafian Majaz al-Qur'an terhadap Nas-nas Sifat *Mutashābihāt*," 136-152.

⁷⁶ Tauhid Tiga merujuk kepada tauhid *Rubūbiyyah*, tauhid *Ulūhiyyah* dan tauhid *Asmā' wa al-Ṣifāt*. Lihat Syed Hadzrullathfi Syed Omar dan Muhammad Rashidi Wahab, "Konsep Pengajian Tauhid Tiga: Satu Analisis." *Jurnal Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah* (2012), 55-84.

Kedudukan ASWJ Asha'irah di Malaysia dan Selangor

Sejarah membuktikan bahawa umat Islam di Malaysia malah di seluruh rantau Nusantara telah berabad lamanya menerima dan mengamalkan Islam berasaskan pendekatan ASWJ. Keadaan tersebut telah menjadikan rantau ini paling seragam dan kukuh dalam pegangan akidah, amalan syariah dan sistem nilai akhlak berbanding dengan masyarakat Islam di rantau lain. Hakikat tersebut secara tidak langsung turut menyumbang kestabilan susunan politik, sosial masyarakat, perpaduan umat Islam dan ajaran agama Islam. Pendekatan ASWJ yang telah sebatip dipelajari dan dihayati oleh masyarakat Islam di Malaysia dalam aspek akidah dan kepercayaan ialah aliran Asha'irah dan dalam masa yang sama turut menerima aliran Maturidiyyah.

Manakala mazhab Shafi'i pula mendapat tempat sebagai mazhab fiqh yang paling diterima oleh majoriti umat Islam di Malaysia berbanding tiga mazhab muktabar lain iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali.⁷⁷ Setelah Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, pemerintahan dan pentadbiran di Malaysia berjalan di atas Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi bagi negara Malaysia. Melalui Perkara 3(1) dalam Perlembagaan Persekutuan, Islam diiktiraf sebagai agama bagi Persekutuan.⁷⁸ Oleh itu, agama Islam di Malaysia mempunyai kedudukan yang istimewa, di samping penganut agama lain diberikan kebebasan mengamalkan agama masing-masing. Yang Dipertuan Agong serta Sultan atau Raja bertanggungjawab dalam segala hal ehwal berkaitan dengan agama Islam.⁷⁹ Walau bagaimanapun, Perlembagaan Persekutuan tidak memberikan pentafsiran tentang Islam dalam Perkara 3(1) tersebut.

⁷⁷ Abdul Shukor, *Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula*, 7-8; Syamsul Bahri Andi Galigo dan Norarfan Zainal, *Pengenalan Ahli Sunnah Waljama'ah: Sejarah, Pendekatan dan Pemahaman* (Brunei: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, 2012), 50-51.

⁷⁸ Peruntukan ini menunjukkan bahawa negara Malaysia mempunyai agama, iaitu Islam. Dalam kata lain, Islam adalah agama bagi Malaysia. Lihat Mahamad Naser Disa, *Daulatkan Islam Agama Negara* (Putrajaya: Institut Kajian Strategik Islam Malaysia, 2015), 4-7; Abdul Aziz, *Islam dalam Perlembagaan Malaysia* (Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2005), 12.

⁷⁹ Kerajaan Malaysia, *Perlembagaan Persekutuan* (Putrajaya: Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malaysia, 2010), 20.

Maka pentafsiran Islam itu dapat ditentukan dengan meneliti peruntukan Enakmen Syariah di negeri-negeri atau melihat keputusan mahkamah di Malaysia terhadap sesuatu kes berkaitan dengan agama Islam. Menurut Mohammed Imam, definisi Islam dalam Perlembagaan Persekutuan di Malaysia ialah ASWJ.⁸⁰ Ini bererti Islam yang dimaksudkan oleh Perlembagaan Persekutuan adalah Islam berasaskan mazhab ASWJ sahaja. Kenyataan ini berpandukan kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam beberapa negeri di Malaysia yang memasukkan ASWJ sebagai mazhab rasmi negeri. Antara negeri tersebut ialah Kedah, Kelantan, Johor dan Perlis. Negeri-negeri ini telah mengistiharkan agama Islam bermazhab ASWJ sebagai agama negeri, malah sultan juga mesti bermazhab yang sama (ASWJ).⁸¹

Dalam Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan contohnya, menyatakan bahawa: Ahlu's Sunnah wal Jamaah maknanya ialah mazhab Abu Al-Hassan Al-Asha'ri dan Abu Mansoor Al-Maturidi dan orang yang mengikut jejak langkah keduanya.⁸² Manakala bagi Negeri Sembilan, Pahang, Selangor, Melaka dan Terengganu hanya menyatakan agama Islam adalah agama negeri tanpa menyebut mazhab ASWJ. Walaupun begitu, fatwa dan amalan yang digunapakai di negeri-negeri tersebut adalah terikat dengan ASWJ. Negeri Perak pula meletakkan Islam bermazhab Shafi'i sebagai mazhab negeri (Seksyen 39).⁸³ Mazhab Shafi'i juga adalah salah satu mazhab dalam ASWJ. Terkini, negeri Johor turut menambah baik Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dengan memasukkan Islam yang menjadi pegangan atau mazhab rasmi di negeri Johor adalah berasaskan ASWJ al-Ash'ari (Asha'irah) dan al-Māturidī (Maturidiyyah) dari aspek

⁸⁰ Mohammed Imam, "Freedom of Religion Under Federal Constitution of Malaysia - A Reappraisal" *Current Law Journal* 2 (CLJ2) (1994), 1vii.

⁸¹ Ezad Azraai Jasmari et al., "Penetapan Mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah Sebagai Definisi Islam di Malaysia: Hak Penyebaran Agama bagi Kumpulan Agama Minoriti," *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* (2011). 32.

⁸² Kerajaan Negeri Kelantan, *Undang-Undang Negeri Kelantan dan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan* (t.tp.: t.p., 2008), 59.

⁸³ Ezad Azraai Jasmari et al. *Penetapan Mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah Sebagai Definisi Islam di Malaysia: Hak Penyebaran Agama bagi Kumpulan Agama Minoriti*, 32; M.B. Hooker, *Islamic in South-East Asia* (United Kingdom: Oxford University Press, 1984), 165-167.

akidah, mazhab al-Shāfi'ī dari aspek fiqh dan al-Junayd serta al-Ghazālī dari aspek tasawuf.⁸⁴

Malah terdapat usaha berterusan dari negeri-negeri lain untuk memasukkan perkataan ASWJ sama ada secara umum atau khusus berdasarkan mazhab Asha'irah dan Shafi'i sebagaimana negeri Johor. Selain itu, pengiktirafan terhadap ASWJ khususnya aliran Asha'irah di Malaysia sebagai satu pegangan rasmi umat Islam telah ditegaskan oleh kerajaan pusat melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pengiktirafan terhadap ASWJ merupakan satu langkah terbaik demi menjaga kemaslahatan umat Islam di Malaysia daripada ancaman akidah.⁸⁵ Oleh itu, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996, ketika membincangkan tentang Shi'ah di Malaysia, telah membuat beberapa ketetapan berkaitan ASWJ sebagai mazhab yang diiktiraf sebagaimana berikut:

1. Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan ASWJ dari segi akidah, syariah dan akhlak.
2. Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan negeri-negeri bagi peruntukan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-negeri hendaklah agama Islam berasaskan pegangan ASWJ dari segi akidah, syariah dan akhlak.
3. Memperuntukkan pindaan kepada semua Undang-undang dan Hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif hukum syarak atas undang-undang Islam seperti berikut: Hukum Syarak atau Undang-undang Islam bererti undang-undang Islam yang berasaskan kepada pegangan ASWJ dari segi akidah, syariah dan akhlak.
4. Memperakukan bahawa ajaran Islam yang selain daripada ASWJ adalah bercanggah dengan hukum syarak dan undang-

⁸⁴ Warta Kerajaan Negeri Johor. 2 Feb 2017. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003: Pemberitahuan di Bawah Subseksyen 48(6). 420.

⁸⁵ Mohd Aizam Mas'od, "Dasar-dasar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam Mempertahankan Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Malaysia" (Kertas Kerja, Seminar Akidah Peringkat Kebangsaan, 20 September 2012, Fakulti Pengajian Islam UKM, Bangi, 13.

undang Islam dan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan ASWJ adalah dilarang.

5. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada undang-undang Islam hukum syarak yang berasaskan pegangan ajaran ASWJ sahaja.
6. Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan ASWJ adalah diharamkan.⁸⁶

Dalam konteks Selangor secara khusus, akidah ASWJ dari aliran Asha'irah telah menjadi pegangan Sultan dan umat Islam di negeri Selangor sejak berabad lamanya. Selain bukti sejarah, antara bukti lain ialah sebuah kitab karangan DYMM Sultan Selangor ke-5 iaitu Sultan Alauddin Sulaiman Shah (1898-1938M) yang bertajuk *Pohon Agama Bahagian Rukun Iman*.⁸⁷ Secara ringkas, kandungan kitab ini membincangkan mengenai tiga bahagian utama dalam agama Islam iaitu iman, Islam dan ihsan. Kitab ini juga menjelaskan enam Rukun Iman meliputi percaya kepada Allah SWT, malaikat, kitab, rasul, hari kiamat serta *qada* dan *qadar*. Dalam perbincangan ketuhanan, baginda menggunakan metode Sifat 20 bagi menjelaskan sifat-sifat wajib bagi Allah SWT. Malah istilah-istilah yang digunakan menunjukkan bahawa baginda seorang yang mahir dalam ilmu akidah.



Buku *Pohon Agama Bahagian Rukun Iman* ini telah diterbitkan semula dengan huraian dalam tulisan Rumi oleh Raja Ahmad Mukhlis Raja Jamaludin.⁸⁸ Namun apa yang penting di sini ialah kandungan kitab tersebut secara jelas membuktikan bahawa pegangan akidah DYMM Sultan Selangor serta seluruh umat Islam di negeri Selangor adalah berasaskan ASWJ aliran Asha'irah. Dalam konteks semasa pula, walaupun Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 sekadar menyatakan

⁸⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015), 8-9.

⁸⁷ Sultan Alauddin Sulaiman Shah, *Pohon Agama Bahagian Rukun Iman* (Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyyah, 2005).

⁸⁸ Raja Ahmad Mukhlis Raja Jamaludin, *Sharah Pohon Agama: Sultan 'Ala'u al-Din Sulayman Shah Ibni Raja Muda Musa* (Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia, 2018).

bahawa agama negeri adalah agama Islam,⁸⁹ tanpa menyebut istilah ASWJ dan Asha'irah, namun dari aspek pelaksanaan dalam pentadbiran hal ehwal Islam semuanya berteraskan ASWJ.



⁸⁹ Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Selangor, *Undang-undang Negeri Selangor dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959* (Selangor: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Selangor, 2008), 37.



ISKANA MESTIKA
SEKUTUPAJAM

Tarikh: // Mac 2016

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
Dato' Menteri Besar Selangor
Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor
Tingkat 21, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40502 SHAH ALAM

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin

Terlebit dahulu Beta mengucapkan selamat sejahtera kepada Dato' Seri dan berharap berada di dalam keadaan sihat walafiat.

Sukacita dimaklumkan bahawa Beta telah menerima surat pada hari Khamis, 10 Mac 2016, mengenai permohonan mengadap daripada Pulaia Dr. Ezzad bin Salamin bin Muhammad Al-Saud, Mantan Penasihat kepada Almarhum Tuanku Raja Abdulah bin Abdul Aziz Al-Saud dan juga Pengerusi Majlis Universiti Al-Madinah International University, yang kini berada di Malaysia mula 9 hingga 12 Mac 2016. Walau bagaimanapun, Beta tidak dapat memenuhi hasrat beliau untuk menghadiri kerana kesuntukan masa dan Beta telah mempunyai program yang penuh pada tarikh-tarikh tersebut.

Disini Beta berkenan menitikkan supaya Y.A.B. Dato' Seri dan Kerajaan Negeri Selangor membuat satu perjanjian dengan Al-Madinah International University untuk tidak mengajar ajaran Syiah dan fahaman Wahabi bagi mengelakkan rakyat Islam di Negeri Selangor terpengaruh. Rakyat Islam Negeri Selangor mengamalkan ajaran Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

Sekiranya pihak Al-Madinah International University didapati melanggar perjanjian tersebut (mengajar ajaran Syiah dan fahaman Wahabi), maka Kerajaan Negeri Selangor berhak untuk menarik balik lesen dan Lesen serta tidak dibenarkan Al-Madinah International University untuk meneruskan pengajaran.

Sekian.

D.Y.M.M. SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJJ
SULTAN SELANGOR

sk. Y.B. Setiausaha Kerajaan Selangor

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

Y.A.D. Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor

Dalam hal ini, setiap fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor semuanya bertujuan untuk memperkukuhkan kedudukan ASWJ di Selangor dengan menolak fahaman menyeleweng. Fatwa terhadap fahaman Syiah contohnya, telah difatwakan dan diwartakan beberapa kali di negeri Selangor, antaranya pada tahun 1998 dan 2013.⁹⁰ Begitu juga fatwa bagi menangani persoalan bidaah dalam masalah ikhtilaf/ khilaf perkara *furu'* yang diwartakan pada tahun 2014.⁹¹ Malah dalam

⁹⁰ "Fatwa Tentang Fahaman Syiah," laman sesawang *Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor*, http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi_fatwa/1998/Fatwa1998_20.Fahaman_Syiah.pdf; lihat juga "Fatwa Sighah Berkaitan Ajaran Syiah di Negeri Selangor," laman sesawang *Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor*. http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi_fatwa/2013/Sel.P.U.146%20fatwa%20sighah%20berkaitam%20ajaran%20syiah%20di%20negeri%20selangor.pdf

⁹¹ "Fatwa Menangani Persoalan Bid'ah dalam Masalah Ikhtilaf/Khilaf Perkara Furu'," laman sesawang *Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor*, http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi_fatwa/2014/Sel.p.u.27.pdf

beberapa khutbah Jumaat turut ditegaskan bahawa umat Islam di negeri Selangor mesti berpegang teguh dengan akidah ASWJ.⁹² Bukan itu sahaja, dari aspek lain tauliah dan pendidikan juga memperlihatkan ASWJ menjadi teras utama di Selangor.

Malah pada 11 Mac 2016, DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, dalam surat baginda kepada Menteri Besar Selangor, menitahkan agar Kerajaan Negeri Selangor mengekang penyebaran fahaman Syiah dan Wahabi oleh institusi pengajian tinggi. Menurut baginda, umat Islam di negeri Selangor mengamalkan ajaran ASWJ, maka sebarang usaha untuk menyebarkan fahaman selain ASWJ di Selangor mestilah disekat.⁹³ Ini bermaksud, mengeluarkan Asha'irah daripada ASWJ secara tidak langsung bertujuan untuk menentang serta menghina kedaulatan DYMM Sultan Selangor selaku Ketua Agama Islam di negeri Selangor yang berpegang teguh dengan akidah ASWJ aliran Asha'irah.

Penutup

Kedudukan aliran Asha'irah sebagai ASWJ merupakan perkara *daruri* yang diiktiraf oleh para ulama muktabar. Malah pengikut Asha'irah adalah golongan majoriti dalam mazhab ASWJ sejak dahulu sehingga kini. Justeru, mengeluarkan Asha'irah daripada status ASWJ dari segi mazhab akidah bermaksud mengeluarkan majoriti umat Islam daripada aliran ASWJ. Dalam ertikata lain, majoriti umat Islam akan menjadi golongan bidaah yang sesat. Kenyataan sebegini bercanggah dengan fakta ilmiah dan juga sukar diterima oleh umat Islam seluruh dunia. Justeru, tindakan mengeluarkan Asha'irah daripada ASWJ hanya bersandarkan isu

⁹² "Berpegang Kepada Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah," laman sesawang *Portal E-Masjid Jabatan Agama Islam Selangor*, [http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/KhutbahJumaat\(Manual\)29062012.pdf](http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/KhutbahJumaat(Manual)29062012.pdf); lihat juga "Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Pegangan Kita" laman sesawang *Portal E-Masjid Jabatan Agama Islam Selangor*, [http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/06.04.2018%20\(RUMI\)%20AKIDAH%20AHLI%20SUNNAH%20WAL%20JAMAAH%20PEGANGAN%20KITA.pdf](http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/06.04.2018%20(RUMI)%20AKIDAH%20AHLI%20SUNNAH%20WAL%20JAMAAH%20PEGANGAN%20KITA.pdf)

⁹³ "Elak universiti sebar ajaran Syiah, Wahabi," *Utusan Malaysia*, 17 Mac 2016, <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/elak-universiti-sebar-ajaran-syiah-wahabi-1.201687>; lihat juga "Patuhi titah Sultan Selangor, pegang teguh ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah - Azmin." *Utusan Malaysia*, 19 Mac 2016. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/patuhi-titah-sultan-selangor-pegang-8232-teguh-ajaran-ahli-sunnah-wal-jamaah-8211-azmin-1.202188>

nas sifat *mutashābihāt* dilihat sebagai cubaan meruntuhkan kedudukan Asha'irah sebagai tunjang utama akidah ASWJ. Perihal ini sewajarnya diberikan perhatian serius oleh umat Islam di Malaysia. Mana-mana institusi pengajian agama di Selangor yang cuba menanamkan fahaman yang bercanggah dengan fahaman al-Asha'irah menerusi silibus pengajian mereka hendaklah dipantau untuk diambil tindakan yang sewajarnya menurut lunas undang-undang yang berkuatkuasa.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan yang dijalankan di bawah dana Majlis Agama Islam Selangor.

Rujukan

- Al-Shatībī, Abī Ishāq Ibrāhīm ibn Mūsā. *Al-I'tisām*, tahqīq: Abū 'Ubaydah Mashhūr ibn Ḥasan 'Alī Sulayman. T.tp: Maktabah al-Tawhīd, t.t.
- 'Abd al-Salām, al-'Izz al-Din. *Rasā'il fī al-Tawhīd*, tahqīq: Ayadakhali al-Taba'. Damsyik: Dār al-Fikr, 1995.
- "Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Pegangan Kita" laman sesawang Portal E-Masjid Jabatan Agama Islam Selangor, [http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/06.04.2018%20\(RUMI\)%20AKIDAH%20AHLI%20SUNNAH%20WAL%20JAMAAH%20PEGANGAN%20KITA.pdf](http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/06.04.2018%20(RUMI)%20AKIDAH%20AHLI%20SUNNAH%20WAL%20JAMAAH%20PEGANGAN%20KITA.pdf)
- "Berpegang Kepada Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah," laman sesawang Portal E-Masjid Jabatan Agama Islam Selangor, [http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/KhutbahJumaat\(Manual\)29062012.pdf](http://e-masjid.jais.gov.my/uploads/uploads/KhutbahJumaat(Manual)29062012.pdf);
- "Elak universiti sebar ajaran Syiah, Wahabi," Utusan Malaysia, 17 Mac 2016, <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/elak-universiti-sebar-ajaran-syiah-wahabi-1.201687>;
- "Fatwa Menangani Persoalan Bid'ah dalam Masalah Ikhtilaf/Khilaf Perkara Furu'," laman sesawang Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor, http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi_fatwa/2014/Sel.p.u.27.pdf
- "Fatwa Sighah Berkaitan Ajaran Syiah di Negeri Selangor," laman sesawang Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor, http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi_fatwa/2013/Sel.P.U.

- 146%20fatwa%20sighah%20berkaitam%20ajaran%20syiah%20odi%20negeri%20selangor.pdf
- “Fatwa Tentang Fahaman Syiah,” laman sesawang Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor, http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi_fatwa/1998/Fatwa1998_20.Fahaman_Syiah.pdf;
- “Patuhi titah Sultan Selangor, pegang teguh ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah - Azmin.” Utusan Malaysia, 19 Mac 2016. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/patuhi-titah-sultan-selangor-pegang-8232-teguh-ajaran-ahli-sunnah-wal-jamaah-8211-azmin-1.202188>
- Abdul Aziz. *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2005.
- Abdul Shukor Husin. *Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.
- Abī Dāwūd, Sulaymān ibn al-Ash‘ath. *Sunan Abī Dāwūd*, taḥqīq: Muḥammad ‘Awwāmah. Beirut: Muassasah al-Riyadh, 1998..
- Abū Zahrah, Muḥammad. *Tarīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabiy, 1996.
- Āl al-Shaykh, ‘Abd al-Rahman ibn Hasan. *Fath al-Majīd Sharḥ Kitāb al-Tawḥīd*, taḥqīq: ‘Abd al-‘Azīz ibn ‘Abd Allāh al-Bāz. Riyadh: Dār al-Salām, t.t.
- Al-‘Asqalānī, Aḥmad ibn ‘Alī ibn Ḥajar. *Fath al-Bārī*, taḥqīq: ‘Abd al-Qādir Shaybah al-Hamad. Riyadh: Maktabah al-Mālik, 2001.
- Al-‘Uthaymīn, Muḥammad ibn Ṣāliḥ. *Liqā’ al-Bāb al-Maftūh*. Riyadh: Dār al-Waṭan li al-Nashr, 1986.
- Al-‘Uthaymīn, Muḥammad ibn Ṣāliḥ. *Sharḥ ‘Aqīdah Aḥl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Mesir: Dār al-Yaqīn, 2008.
- Al-‘Uthaymīn, Muḥammad ibn Ṣāliḥ. *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Saffariniyyah*. Beirut: al-Kitāb al-‘Alāmī li al-Nashr, 2008.
- Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir. *Silsilah al-Hudā wa al-Nūr 666: Man huwā al-Mubtadi‘ wa man huwā al-Kāfir*. Laman sesawang *Aḥl al-Ḥadīth wa al-Athar*, <http://alathar.net/home/esound/index.php?op=codevi&coid=5914>
- Al-Anjari, Hamda al-Sinan dan Fauzi. *Ahl al-Sunnah al-Asha‘irah*. Kuwait: Dār al-Ḍiyā’, 2006.
- Al-Asnāwī, ‘Abd al-Rahīm Jamāl al-Dīn. *Ṭabāqāt al-Shāfi‘iyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 1987.

- Al-Baghdādī, Abū Mansūr ‘Abd al-Qāhir ibn Ṭāhir ibn Muḥammad. *Al-Farq Bayna al-Firāq*, taḥqīq: Muḥammad Muḥy al-Dīn ‘Abd al-Hāmid. Kaherah: Dār al-Ṭala‘ī, t.t.
- Al-Banna, Hasan. *Al-‘Aqā’id*, taḥqīq: Riḍwān Muḥammad Riḍwān. Iskandariyyah: Dār al-Da‘wah, 1999.
- Al-Bayjūrī, Ibrāhīm ibn Muḥammad ibn Aḥmad. *Tuhfah al-Murid ‘alā Jawharah al-Tawḥīd*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001.
- Al-Bāz, ‘Abd al-‘Azīz ibn ‘Abd Allāh dan al-Fawzān, Ṣāliḥ ibn Fawzān. *Tanbīhāt fī al-Rad ‘alā min Ta’awwala al-Ṣifāt*. Riyadh: al-Risālah al-‘Āmmah li Idārat al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da‘wah al-Irshād, 1983.
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān. *Al-Salāfiyyah: Marhalah Zamāniyyah Mubārakah la Madhhab Islāmī*. Damsyik: Dār al-Fikr, 2007.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad ibn ‘Uthmān. *Siyār A’lām al-Nubalā’*, taḥqīq: Shu’ayb al-Arnauf. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1996.
- Al-Fawzān, Ṣāliḥ ibn Fawzān ibn ‘Abd Allāh. *Min Mashahir al-Mujaddidīn fī al-Islām*. Riyadh: al-Risālah al-‘Āmmah li Idārat al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da‘wah al-Irshād, 1986.
- Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad ibn Muḥammad. *Al-Iqtṣad fī al-I’tiqād*, taḥqīq: Insaf Ramadan. Damsyik: Dār Qutaybah, 2003.
- Al-Ghumārī, ‘Abd Allāh al-Ṣiddīq. *Itqān al-San‘ah fī Tahqīq Ma’nā al-Bid‘ah*. Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, 2007.
- Al-Hafānī, ‘Abd al-Mun‘īm. *Al-Mu‘jam al-Shāmil li Muṣṭalahāt al-Falsafah*. Kaherah: Maktabah al-Madbulī, 2000.
- Al-Hākim, Muḥammad ibn ‘Abd Allāh ibn ‘Abd Allāh. *Al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, taḥqīq: Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Atā. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990.
- Al-Ḥawālī, Safr ibn ‘Abd al-Raḥman. *Manhaj al-Ashā’irah fī al-‘Aqīdah*. Yaman: Dār al-Quds, t.t.
- Al-Mahdalī, Muḥammad ‘Aqīl ibn ‘Alī. *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah: Madkhal wa Dirāsah*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, t.t.
- Al-Maḥmud, ‘Abd al-Raḥman ibn Ṣāliḥ ibn Ṣāliḥ. *Mawqīf Ibn Taymiyyah min al-‘Ashā’irah*. Riyadh: Maktabah al-Rushd, 1995.

- Al-Qarḍāwī Yūsuf. “La Fatwā Lishaltut bi al-Ta’bud ‘alā al-Ja’fary.” Dlm. <http://www.qaradawi.net/news/537.html>
- Al-Qarḍāwī, Yūsuf. *Fuṣul fī al-‘Aqīdah Bayna al-Salaf wa al-Khalaf*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2006.
- Al-Qaṭṭān, Manna. *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2000.
- Al-Qurṭubī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abī Bakr. *Al-Jāmi‘ al-Aḥkām al-Qur’ān*, taḥqīq: ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Muḥṣin al-Tarkī. Beirut: Muassasah al-Risalah, 2006.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muḥammad ibn ‘Umar. *Asās al-Taqdīs fī ‘Ilm al-Kalam*. Kaherah: Matba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1935.
- Al-Saffarini, Muḥammad ibn Aḥmad bin Sālim Lawāmi‘ al-Anwār al-Bāhiyyah, taḥqīq: Abū ‘Abd al-Raḥman ‘Adl ibn Sa’īd. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2008.
- Al-Shak’ah, Muṣṭafā Muḥammad. *Islām bilā Madhāhib*. Kaherah: Dār al-Miṣriyyah al-Lubnāniyyah, 2006.
- Al-Sharastānī, Abī al-Faṭḥ Muḥammad ‘Abd al-Karīm ibn Abī Bakr. *Al-Milal wa Nihal*, taḥqīq: Āmīr ‘Alī Mahna dan ‘Alī Ḥasan Fa’ūr. Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1993.
- Al-Subkī, Tāqī al-Dīn Abī Naṣr ‘Abd al-Wahab ibn ‘Alī ibn ‘Abd al-Kāfi. *Tabāqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*, taḥqīq: Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāhī dan ‘Abd al-Faṭṭāh al-Hilw. T.tp.: Dār Ihyā’ al-Kitāb al-‘Arabiyyah, 1964..
- Al-Suyūfī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥman. *Tahdhīb wa Tartīb li Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, taḥqīq: Muḥammad ibn ‘Umar. Riyadh: Dār al-Hijrah, 1992.
- Al-Tirmidhī, Abī ‘Īsā Muḥammad ibn ‘Īsā. *Al-Jāmi‘ al-Kabīr*, taḥqīq: Bashār Anwār Ma’rūf. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1998), 4:40. No. Hadis: 2167.
- Al-Zābidī, Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn, 2:9.
- Al-Zarkashī, Badr al-Dīn Muḥammad ibn ‘Abd Allāh. *Al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, taḥqīq: Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm. Beirut: Dār al-Jīl, 1988.
- Al-Zarqānī, Muḥammad ‘Abd al-‘Azīm. *Manāhil al-Irfan fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Fikr., t.t.
- Azmil Zainal Abidin. “Pendekatan Ash’ariyyah dan Salafiyah dalam Memahami Sifat Khabariyyah: Satu Analisa

- Perbandingan”. Prosiding Multaqa Istana Alaeddin Bandar, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2006.
- Ba‘lawī, ‘Abd al-Rahman ibn Muḥammad ibn Ḥusayn ibn ‘Umar. *Bughyah al-Mustarshidīn*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1978.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. Definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah: Satu Analisis,” *Jurnal Usuluddīn* 25 (2007), 140.
- Ezad Azraai Jasmari et al. “Penetapan Mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah Sebagai Definisi Islam di Malaysia: Hak Penyebaran Agama bagi Kumpulan Agama Minoriti”. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* (2011).
- Hooker, M.B. *Islamic in South-East Asia*. United Kingdom: Oxford University Press, 1984.
- Ibn ‘Abd al-Wahhāb. Al-Shaykh Muḥammad. *‘Aqidatuh al-Salāfiyyah wa Da‘watuh al-Islāhiyyah wa Thanā’ al-‘Ulamā’ alayh*. Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah: Maktabah al-Mālik Fahd al-Waṭaniyyah Athna’ al-Nashr al-Muqaddam, 1999.
- Ibn al-‘Asākir, ‘Alī ibn al-Ḥasan ibn Hibah Allāh. *Tabyīn Kadhīb al-Muftarī fīmā Nuṣiba ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ashā‘arī*. Damsyik: t.p., 1925.
- Ibn al-Athīr, Majd al-Dīn Abū al-Sa‘ādāt al-Mubārak ibn Muḥammad al-Jazarī. *Al-Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athār*, taḥqīq: Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāhī dan Ṭāhir Aḥmad al-Zawī. T.t.p: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 1963.
- Ibn Hanbal, Aḥmad. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, taḥqīq: Sha’aib al-Arnaut. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1995.
- Ibn Khaldun, ‘Abd al-Rahman ibn Muḥammad. *Muqaddimah Ibn Khaldun*, taḥqīq: ‘Alī ‘Abd al-Wāḥid Wāfi. Kaherah: Dār Nahḍah Misr, t.t.
- Ibn Khallikan, Abī al-‘Abbās Shams al-Dīn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Abī Bakr. *Wafayāt al-A‘yan wa Anba’ Abna’ al-Zaman*. Beirut: Dār al-Thaqafah, t.t.
- Imam, Mohammed. “Freedom of Religion Under Federal Constitution of Malaysia - A Reappraisal” *Current Law Journal* 2 (CLJ2) (1994), 1vii.
- Ismā‘īl, Muḥammad. *Khawātir Ḥawl al-Wahabiyyah*. Iskandariyyah: Dār al-Tawhīd li Turath, 2008.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal*

- Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015.
- Jum'ah, 'Alī. *Al-Bayān Limā Yashghal al-Azhan: Fatāwā Shāfiyah Qadāyā 'Ājilah*. Kaherah: al-Muqattam li al-Nashr wa al-Tawzī', 2009.
- Kerajaan Malaysia, *Perlembagaan Persekutuan*. Putrajaya: Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malaysia, 2010.
- Kerajaan Negeri Kelantan, *Undang-Undang Negeri Kelantan dan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*. t.tp.: t.p., 2008.
- Mahamad Naser Disa. *Daulatkan Islam Agama Negara*. Putrajaya: Institut Kajian Strategik Islam Malaysia, 2015.
- Mohd Aizam Mas'od. "Dasar-dasar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam Mempertahankan Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Malaysia". Kertas Kerja, Seminar Akidah Peringkat Kebangsaan, 20 September 2012, Fakulti Pengajian Islam UKM, .
- Muhammad ibn Muhammad al-Husaynī al-Zābidī, *Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989.
- Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar. "Peringkat Pemikiran Imam al-Ash'ari dalam Akidah", *International Journal of Islamic Thought* (2013).
- Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar. Takwilan, "Nas-nas Sifat Mutashabihat dalam Kalangan Salaf", *The Global Journal al-Thaqafah* 2 (2012), 82-83.
- Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Shahrizal Nasir dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar. "Implikasi Penafian Majaz al-Qur'an terhadap Nas-nas Sifat Mutashabihat," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 8 (2014), 136-152.
- Mūsā, Jalāl Muhammad. *Nashā'ah al-Ash'ariyyah wa Taṭawwuruhā*. Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnānī, 1982.
- Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Selangor. *Undang-undang Negeri Selangor dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959*. Selangor: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Selangor, 2008.
- Raja Ahmad Mukhlis Raja Jamaludin. *Sharah Pohon Agama: Sultan 'Ala'u al-Din Sulayman Shah Ibni Raja Muda Musa*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia, 2018.

- Rasul Dahri. Koleksi Kuliah-kuliah Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah menurut Manhaj Salaf As-Soleh. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2001.
- Subhī, Aḥmad Maḥmūd. *Fi 'Ilm al-Kalam: Al-Ashā'irah*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, 1985.
- Sulaiman Noordin. *Sejarah Pemikiran 2*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.
- Sultan Alauddin Sulaiman Shah. *Pohon Agama Bahagian Rukun Iman*. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyyah, 2005.
- Syamsul Bahri Andi Galigo dan Norarfan Zainal. *Pengenalan Ahli Sunnah Waljama'ah: Sejarah, Pendekatan dan Pemahaman*. Brunei: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, 2012.
- Syed Hadzrullathfi Syed Omar dan Muhammad Rashidi Wahab. "Konsep Pengajian Tauhid Tiga: Satu Analisis." *Jurnal Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah* (2012).
- The Royal Islamic Strategic Studies Centre. *The 500 Most Influential Muslims in the World 2010* (USA: Georgetown University, 2010).
- The Royal Islamic Strategic Studies Centre. *The 500 Most Influential Muslims in the World 2011*. USA: Georgetown University, 2011.
- Warta Kerajaan Negeri Johor. 2 Feb 2017. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003: Pemberitahuan di Bawah Subseksyen 48(6). 420.
- Zakaria Stapa. "Kedudukan Pemikiran al-Ash'ari dan al-Maturidi dalam Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah" *Jurnal Islamiyyat* 33 (2011): 37-44.